



KONFLIK SELATAN FILIPINA: ISU, CABARAN DAN PENYELESAIAN

[CONFLICT IN THE SOUTHERN REGION OF THE PHILIPPINES: ISSUES, CHALLENGES, AND SOLUTIONS]

Ruhanas Harun

Jabatan Pengajian Strategik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kuala Lumpur 57000,
Malaysia.

Corresponding author: ruhanas10@gmail.com

ABSTRAK

Konflik yang melanda selatan Filipina antara kerajaan pusat dengan wilayah selatan negara tersebut sejak berdekad lamanya masih gagal menemui sebarang titik penyelesaian disebabkan pertembungan kepentingan, identiti dan aspirasi yang berbeza kedua pihak. Penentangan orang-orang Moro terhadap dominasi kuasa politik kerajaan pusat berakar umbi sejak zaman kolonial lagi. Cita-cita Bangsamoro untuk mendapat hak menentukan masa depan sendiri sebagai sebuah komuniti bebas bertentangan dengan kepentingan dan hak kerajaan Filipina mempertahankan kedaulatan, keselamatan dan keutuhan wilayahnya. Dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk mengintegrasikan Bangsamoro ke dalam acuan nasional Filipina mengancam kelangsungan identiti mereka. Tuntutan Bangsamoro untuk mendapatkan autonomi politik, pembangunan sosio-ekonomi serta penghapusan diskriminasi masih belum diberi layanan yang sewajarnya oleh kerajaan pusat. Ini secara tidak langsung menghakis kepercayaan Bangsamoro terhadap keikhlasan pihak kerajaan pusat mengenai proses damai dan kemampuan rundingan yang diadakan bagi mencapai penyelesaian secara aman. Segala persetujuan yang dicapai di sepanjang proses damai tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan sekaligus menambah tekanan kepada kedua pihak. Rundingan damai juga menghadapi kebuntuan disebabkan keengganan berkompromi akan pendirian masing-masing. Hakikatnya jika konflik selatan Filipina ini berlanjutan, ia akan merugikan kedua pihak, terutamanya Bangsamoro. Halatuju penyelesaian perlu menjamin penerusan identiti dan budaya Bangsamoro sebagai satu golongan minoriti tanpa meminggirkan mereka dari acuan nasional Filipina.

Kata kunci: Bangsamoro, identiti, punca konflik, pertembungan kepentingan, Selatan Filipina

ABSTRACT

The conflict in the Southern Region of the Philippines has been going on for decades with no viable solution to be seen. This is due to the clash of interests, identities and aspirations between both parties. The opposition of the Moro people towards the political domination of the central government has its roots in the colonial times. Their aspirations towards rights of self-determination goes against the interests of the Philippines Government in defending the nation's sovereignty, security and territorial integrity. The Bangsamoro's claim to political autonomy and socio-economic development and the removal of discrimination against them is still yet to be properly addressed by the central government,

thus reducing their trust in the central government's sincerity in achieving a peaceful solution to the conflict. Agreements reached during the peace process were not properly implemented, thus adding pressure to both parties. Peace negotiations are also stunted due to the refusal of both parties to compromise on their stances. Should this conflict continue to drag on, both parties will face negative consequences, especially for the Bangsamoro. The way forward in achieving peace must ensure the survival of the Bangsamoro identity and culture, without being excluded from the Filipino national mould.

Keywords: Bangsamoro, conflict of interests, identity, roots of conflict, Southern Region of the Philippines

1.0 PENGENALAN

Konflik di wilayah selatan Filipina yang membabitkan gerakan pembebasan orang Moro menentang kerajaan pusat di Manila mempunyai akar umbi dalam sejarah yang panjang. Perjuangan orang-orang Moro dikatakan bermula sejak 1565 apabila wilayah mereka diletakkan di bawah pemerintahan kolonial Sepanyol, walaupun Sepanyol tidak secara sah mengambil alih wilayah Moro (Huang, Musembi, & Petronic, 2012). Negara Filipina mencapai kemerdekaan pada tahun 1946 dari Amerika Syarikat yang telah memerintah negara tersebut sejak tahun 1898 apabila mereka menggantikan pemerintahan kolonial Sepanyol (1565-1898). Selepas tamat Perang Dunia Kedua, Filipina secara amnya masih terus berhadapan dengan masalah keselamatan dalam negara yang datanginya dari dua punca utama: pertama, penentangan dari orang-orang Moro di selatan, dan kedua, insurgensi komunis. Walau kerajaan Filipina mengistiharkan ancaman komunis sebagai musuh nombor satu negara namun ia tidaklah serumit konflik yang melanda wilayah selatan Filipina. Konflik selatan Filipina dilihat mempunyai banyak persamaan dengan konflik yang berlaku di selatan Thailand, di Aceh dan beberapa konflik di negara lain yang melibatkan pertembungan kepentingan dan perbezaan persepsi dan interpretasi dalam menentukan masa depan sesebuah komuniti minoriti dalam negara-bangsa (Che Man, 1990). Melihat kepada sejarah, konflik seperti ini kebanyakannya berakhir dengan perpecahan negara-bangsa seperti mana berlaku di Sudan, Timor Leste dan bekas Republik Yugoslavia. Namun ada juga yang dapat diselesaikan secara aman tanpa mengakibatkan pemisahan dari pusat, misalnya, seperti yang berlaku dalam konflik Aceh dan selatan Thailand. Walaupun konflik di selatan Thailand masih belum diselesaikan sepenuhnya, keadaan di selatan Thailand adalah lebih reda daripada di selatan Filipina. Seperti juga di selatan Filipina, konflik di selatan Thailand memberi cabaran besar kepada legitimasi kerajaan pusat (McCargo, 2014). Kemungkinan penyelesaian banyak bergantung pada kesediaan dan kesudian kedua-dua belah pihak berkompromi dan berbincang berpandukan nilai-nilai keamanan dan keadilan. Dalam era globalisasi ini, penyelesaian juga bergantung pada persekitaran politik serantau yang boleh mempengaruhi konflik tersebut serta menentukan peranan pelaku luar dalam mendamaikan kedua pihak yang terlibat.

Dalam konteks konflik di selatan Filipina pada masa ini, Malaysia dan Indonesia, sebagai jiran terdekat, banyak membantu memudah cara (*facilitate*) proses damai antara kerajaan Filipina dengan gerakan Bangsamoro. Begitu juga dengan pertubuhan negara-negara Islam, terutamanya OIC, yang banyak memberi sumbangan dalam proses damai.

Tidak dinafikan amat sukar untuk menyelesaikan isu-isu yang berkait dengan identiti, kedaulatan dan keselamatan negara kerana ia mengandungi unsur-unsur sensitif yang perlu diambil kira. Konflik di selatan Filipina ini mengandungi pertembungan dua aspek penting

dalam pembinaan negara-bangsa, iaitu hak sesebuah komuniti menentukan masa depan sendiri dan tanggung jawab negara menjamin keselamatan dan keutuhan wilayahnya. Seperti yang dinyatakan oleh Huang, Musembi, and Petronic (2012), wilayah merupakan cara mengekalkan identiti Moro, sedangkan bagi pihak kerajaan di Manila, wilayah berkait secara langsung kepada kelangsungan fizikal negara Filipina. Isu-isu ini dianggap oleh pihak yang terlibat sebagai ‘harga mati’ (*non-negotiable*), sekaligus menyulitkan kompromi kedua-dua belah pihak. Gerakan penentangan oleh Bangsamoro mempunyai aspirasi untuk menentukan sendiri masa depan mereka dan kewujudan mereka sebagai sebuah komuniti yang mempunyai identiti tersendiri. Pada masa sama, pihak pemerintah Filipina mempunyai justifikasi dan tanggungjawab untuk mempertahankan keutuhan wilayah dan keselamatan negara dari sebarang ancaman. Pertembungan kepentingan ini menyebabkan konflik di Selatan Filipina menghadapi banyak cabaran sehingga menjadikannya sukar untuk dirungkai dan diselesaikan secara aman dan komprehensif.

2.0 ASAL USUL DAN EVOLUSI KONFLIK DI SELATAN FILIPINA

Konflik di Selatan Filipina, atau juga disebut sebagai “konflik Mindanao” adalah satu konflik bersenjata menentang pemerintah Filipina yang dilakukan oleh orang-orang Moro yang mendiami kawasan selatan negara Filipina. Penentangan orang-orang Moro terhadap pemerintah pusat mempunyai akar umbi dari sejarah lampau (Buendia, 2005). Isu utama dalam konflik ini ialah hak Bangsamoro menentukan masa depan sendiri (*national self-determination*) dan pembentukan sebuah negara-bangsamoro (*moro homeland*). Penentangan terhadap pemerintah oleh gerakan Bangsamoro adalah kerana mereka tidak puas hati dengan dasar-dasar pemerintah yang bersifat mendiskriminasi golongan minoriti yang lambat laun akan mengancam identiti dan budaya mereka. Dominasi kuasa politik oleh orang Kristian dan peminggiran dari segi sosio-ekonomi terhadap kawasan selatan juga menyebabkan orang-orang Moro melihat pemerintah tidak berlaku adil terhadap mereka. Kegagalan pemerintah di Manila memberi perhatian dan menyelesaikan masalah ini menimbulkan rasa putus asa orang-orang Moro untuk mendapatkan hak mereka secara aman dan melalui rundingan. Justeru, mereka terpaksa memilih perjuangan bersenjata untuk mengembalikan hak dan mendapat pembelaan. Perjuangan ini juga merupakan kesinambungan daripada penentangan nenek moyang mereka yang menolak dominasi asing termasuklah dominasi Sepanyol, Amerika dan kini negara Filipina.

Mengikut Buendia (2005), “the Muslims’ historical claim on Mindanao and Sulu as their homeland predates the Spanish colonisation of the Philippines in 1565” (hal. 111). Kesultanan Selatan Filipina yang muncul sebelum kedatangan kolonialisme Sepanyol merupakan komuniti Muslim yang maju dan mendominasi perdagangan dan perniagaan sehingga ke kawasan utara Filipina. Walaupun Sepanyol berjaya menjajah Filipina dan mengkristiankan sebahagian besar penduduknya, mereka tidak pernah berjaya menakluki kawasan selatan dan penduduknya yang mengekalkan agama Islam, identiti dan budaya setempat. Identiti inilah yang memberi inspirasi kepada perjuangan Bangsamoro. Selain daripada kebanggaan terhadap sejarah dan budaya mereka, perjuangan Bangsamoro juga dikuatkan oleh identiti Islam yang membezakan mereka daripada masyarakat majoriti Kristian Filipina. Penentangan orang-orang Moro terhadap penjajahan Sepanyol tidak berjaya melahirkan identiti ‘nasional’ Moro yang mengatasi kesetiaan dan identity etnik masing-masing. Seperti yang ditegaskan oleh Buendia (2005, hal. 113),

Opposition to Spanish rule failed to transcend ethnic-linguistic identities of native Muslims to a national and transcendal Moro identity comparable to the transformation of Indo (Hispanised, subjugate and Catholicised) into a Filipino national identity years before the spark of the 1896 Revolution.

Kesedaran tentang agama Islam sebagai satu identiti dan unsur penyatu dalam gerakan pembebasan orang-orang Moro hanya muncul di pertengahan abad 20 dengan pembentukan pertubuhan yang mendukung Islam sebagai ideologi mereka. Namun hakikat sebenar ialah kesetiaan kepada suku kaum masih mengatasi kesetiaan kepada ideologi atau identiti lain.

Usaha dan cita-cita untuk mendapatkan sebuah ‘negara’ yang melambangkan identiti dan sejarah Bangsamoro bukan perkara baru. Semasa Filipina dijajah oleh Amerika Syarikat, wakil-wakil penduduk Islam Filipina telah membuat permohonan untuk menubuhkan negara bagi orang-orang Moro. Se-awal tahun 1920-an lagi sudah terdapat gerakan secara aman bagi membentuk sebuah negara-bangsa dan pemerintah pilihan mereka sendiri. Mereka tidak mahu wilayah yang mereka diami itu dimasukkan kedalam negara baru Republik Filipina yang akan muncul setelah mendapat kemerdekaan dari Amerika Syarikat. Permintaan mereka yang dikemukakan kepada Amerika Syarikat walau bagaimana pun ditolak. Penolakan ini memberi kesan besar kepada orang-orang Moro, terutama dalam kalangan elite mereka yang mula mencari identiti baru bagi Bangsamoro. Mereka tidak mahu lagi dikenali sebagai “Moro”, tetapi lebih selesa dikenali sebagai “Filipina” kerana istilah Moro membawa banyak konotasi negatif yang dikaitkan dengan “*piracy, slavery, savagery, treachery, amok*” dan lain-lain (Buendia, 2005, hal. 113). Pada masa yang sama timbul kesedaran untuk menjadikan Islam sebagai satu unsur identiti mereka. Usaha ke arah ini dilakukan melalui pendidikan agama. Mulai 1950-an sehinggalah dua dekad seterusnya, mereka menekankan identiti “Filipino-Muslim” yang mengatasi kesetiaan kepada suku kaum. Kewujudan negara Filipina dan pemerintahnya yang memerintah kawasan yang didiami oleh orang Islam tidak lagi dipertikaikan. Walau bagaimana pun menjelang tahun 1970-an, penerimaan konsep negara Filipina dan prinsip ‘hidup bersama secara aman’ dalam negara yang didominasi dari segi politik dan pemerintahan oleh pemerintah pusat di Manila tidak dapat diteruskan. Perjuangan Bangsamoro untuk mendapatkan hak dan meneruskan identiti mereka kini diteruskan melalui gerakan pembebasan yang tidak menolak kekerasan dalam perjuangan mereka.

3.0 KEMUNCULAN GERAKAN PEMBEBASAN BANGSAMORO

Mulai awal tahun 1970-an, beberapa peristiwa politik telah mengubah keadaan yang dinyatakan di atas. Mengikut Buendia (2005), “*a string of political events transpired that triggered the re-invention of Muslim identity*” (hal. 115). Salah satu peristiwa penting ini ialah pembunuhan di Jabidah, Corregidor pada bulan Mac 1968. Dalam peristiwa Jabidah ini, 28 orang pelatih tentera yang kebanyakannya dari suku Tausug dan Sama dari Sulu dan Tawi-Tawi dibunuh. Pemerintah Filipina melakukan penyiasatan ke atas peristiwa tersebut, tidak ada tangkapan yang dibuat. Kesan penting dari peristiwa ini ialah timbul persepsi umum dalam kalangan orang Islam bahwa kekejaman tersebut dilakukan oleh orang Kristian yang menjadi ejen pemerintah. Maka bermula dari sini konflik ini dipersepsikan sebagai konflik antara Islam-Kristian. Keadaan ini menguatkan lagi keinginan orang Islam Filipina untuk membentuk negara mereka sendiri. Sebuah pertubuhan Islam “*Muslim Independence Movement*” (MIM) muncul di bawah pimpinan Datu Udtog Matalam yang pada masa itu adalah Gabenor wilayah Cotabatu. Beliau pada mulanya menyokong pemisahan Mindanao dari Republik Filipina, tetapi berubah fikiran apabila beliau dilantik oleh pemerintah Presiden Marcos sebagai Penasihat Khas Presiden mengenai hal ehwal orang Islam. Walau bagaimana pun idea pemisahan ini

kemudian diteruskan oleh pemimpin-pemimpin politik dan tradisional yang beragama Islam dalam perjuangan mereka. Satu lagi pertubuhan Islam yang lahir berikutan peristiwa ini ialah *Bangsa Moro Liberation Organisation* (BMLO) pada tahun 1971, kemudian bertukar nama pada tahun 1984 menjadi '*Bangsa Muslimin Islamic Liberation Organisation*' (BMILO). Pertubuhan ini juga mempunyai matlamat membentuk sebuah negara bagi orang-orang Islam yang berasingan di Filipina. Untuk mencapai tujuan ini, anggota-anggota BMILO membuat persediaan latihan ketenteraan di Sabah Malaysia. Di antara mereka yang mendapat latihan ini termasuklah Nur Misuari dan Salamat Hashim (Buendia, 2005). BMILO kemudiannya berpecah apabila beberapa anggota muda yang berpendidikan tidak sehaluan dengan kepimpinan yang ada lalu keluar dan membentuk pertubuhan baru, Moro National Liberation Front (MNLF). MNLF boleh dianggap sebagai permulaan kepada gerakan pembebasan Moro yang mampu memobilisasikan rakyat massa untuk bertindak menentang musuh mereka, iaitu pemerintah Filipina. Gerakan ini mendapat sokongan moral dan politik dari beberapa pertubuhan Islam antarabangsa seperti OIC, The Muslim World League and the Muslim World Congress.

Tetapi malangya, MNLF menjadi mangsa kepada pergolakan dalaman dari segi kepimpinan. Konflik dalaman ini melahirkan beberapa organisasi baru yang memperjuangkan '*self-determination*' bagi Bangsamoro. Pertubuhan-pertubuhan yang muncul ekoran daripada perpecahan ini termasuklah Moro Islamic Liberation Front (MILF) pada tahun 1984 yang dipimpin oleh Salamat Hashim. Beliau menjadikan Islam sebagai ideologi rasmi pertubuhan ini. Hashim menjadi pengerusi MILF sehingga kematian beliau pada Julai 2003. Pada tahun 1991, muncul pula Kumpulan Abu Sayyaf (Abu Sayyaf Group - ASG) dibawah pimpinan Abdurajak Janjalani. Beliau mendapat pendidikan agama di Arab Saudidan dilihat sebagai lebih radikal daripada Salamat Hashim. Janjalani juga mendapat latihan ketenteraan di Libya dan Afghanistan. ASG merupakan satu pertubuhan yang radikal yang mahu menubuhkan sebuah negara Islam melalui jihad. Walaubagaimana pun kegiatan dan cara kekerasan yang digunakan oleh ASG termasuklah pembunuhan, penculikan dan menuntut tebusan, menyebabkan ia tidak mendapat sokongan ramai. Malah ASG telah disenaraikan oleh pemerintah Amerika sebagai kumpulan pengganas (*terrorist organisation*). Imej buruk dan kegiatan jenayah yang dilakukan oleh ASG ini tidak memberi sumbangan yang positif kepada perjuangan Bangsamoro. ASG kini dilihat tidak lebih daripada kumpulan jenayah yang beroperasi secara terbuka di perairan Sabah-Filipina. Pada tahun 1995, sebuah lagi pertubuhan Moro ditubuhkan, iaitu The National Islamic Command Council (NICC) di bawah pimpinan Melham Alam (mantan ketua staf Misuari). Pertubuhan ini hanya mempunyai jumlah anggota yang kecil, tetapi menyatakan penentangan secara gerila terhadap pemerintah Filipina. Mereka juga tidak sehaluan dengan Nur Misuari dan menuduhnya sebagai tali-barut pemerintah dan pengkhianat kepada bangsa Moro. NICC juga menyatakan objektif membentuk sebuah negara Islam yang merdeka di Mindanao dengan cara kekerasan. Ada yang mengatakan NICC bekerja rapat dengan ASG dalam perjuangan mereka menentang pemerintah (Buendia, 2005). Kumpulan lain yang muncul akibat perpecahan dalam MNLF ialah Misuari Breakaway Group (MBG) yang ditubuhkan pada Februari 2005. Ia dianggap oleh pemerintah Filipina sebagai satu kumpulan yang diresapi oleh pengganas dan mempunyai perkaitan rapat dengan ASG. Kepimpinan MBG menegaskan bahawa rasional kewujudan mereka ialah untuk menentang kekejaman yang dilakukan oleh tentera pemerintah Filipina di Sulu.

Kemunculan beberapa pertubuhan baru dan perpecahan dikalangan organisasi pembebasan orang-orang Moro menunjukkan kerapuhan perpaduan dan perbezaan dari segi cara untuk

mencapai matlamat perjuangan Bangsamoro. Ia memberikan kesan negatif kepada pemantapan identiti dalam perjuangan Bangsamoro. Mengikut Buendia (2005, hal. 118),

factionalism in the Bangsamoro struggle, either among and between traditional political elite or new intellectual and counter-elite, has not only hobbled the quest of the Moros towards achieving their goal, but more importantly, highlighted the fundamental and continuing question of Moro identity and Moro national unity.

Beliau membuat kesimpulan bahawa perpecahan dalam kalangan pemimpin gerakan Moro inilah yang membantut proses pembentukan identiti Moro sebagai sebuah bangsa.

4.0 USAHA KE ARAH PENYELESAIAN DAMAI DAN CABARAN

Dalam menghadapi konflik di selatan Filipina, semua Presiden negara itu bermula dari Marcos sehinggalah kepada pentadbiran sekarang menunjukkan minat untuk menyelesaikan konflik ini, walaupun dengan cara dan kesungguhan yang berbeza. Mereka mempunyai strategi, dasar dan pendekatan yang berbeza, tetapi hasilnya tetap sama iaitu gagal menyelesaikan konflik dan mengembalikan keamanan. Malah di bawah sesetengah pentadbiran, konflik ini menjadi lebih runcing. Jadi apakah halangan-halangan besar ke arah penyelesaian secara aman kepada konflik ini?

Semasa pemerintahan Presiden Marcos dari tahun 1965-1986, penentangan gerakan bersenjata menentang pemerintah banyak berlaku. Ancaman ini bukan sahaja datang dari gerakan Bangsamoro, tetapi juga dari insurgensi komunis yang dipimpin oleh Parti Komunis Filipina dan sayap tenteranya (CCP-NPA). Pertubuhan orang-orang Moro, MNLF mengistiharkan perang pembebasan menentang pemerintah terutama selepas berlakunya peristiwa Jabidah. Presiden Marcos mengistiharkan undang-undang darurat (*martial law*) pada 21 September 1972 dan mengambil langkah ‘perang habis-habisan (*total war*) menentang MNLF dan kumpulan insurgensi lain. Untuk tujuan ini, pemerintah Filipina telah mengerah lebih dari separuh Anggota Tentera Filipina bagi menentang kumpulan pemisah (Abdullah, 2010)

Walau bagaimanapun selepas 1976, Marcos mengambil langkah untuk berunding dengan MNLF. Ini kerana tentera Filipina mengalami beberapa kekalahan dalam gerakan mereka dan pemerintah Filipina juga mendapat tekanan dari pihak luar, terutama OIC supaya berunding. Marcos juga membenarkan wakil OIC melawat kawasan selatan Filipina untuk melihat masalah orang Islam di Filipina. Pasukan penyiasat OIC ini membuat kesimpulan bahawa hanya penyelesaian politik dan bukan tindakan ketenteraan yang akan dapat mengembalikan keamanan. Usaha-usaha ini menghasilkan ‘The Tripoli Agreement’ yang dipersetujui pada 23 Disember 1976 oleh pemerintah Filipina dan MNLF pimpinan Nur Misuari. Persetujuan ini antara lain menjamin keutuhan wilayah negara Filipina, pada masa yang sama memberikan autonomi kepada 13 wilayah selatan (Abdullah, 2010). Ini memenuhi hasrat Nur Misuari yang mahukan negara-bangsamoro yang melambangkan identiti mereka. Malangnya perjanjian ini tidak dilaksanakan sepenuhnya oleh pemerintah Filipina jadi ia gagal menyelesaikan konflik di selatan Filipina.

Pada tahun 1985 Filipina mendapat presiden baru, iaitu Corazon Aquino yang berjaya mendapatkan sokongan rakyat bagi menjatuhkan pemerintahan diktator Presiden Marcos. Aquino, seperti juga Marcos, berusaha untuk mencari penyelesaian kepada konflik selatan Filipina. Satu perjanjian baru iaitu ‘*Jeddah Accord*’ ditanda tangani pada bulan Januari 1987

antara pentadbiran Aquino dan MNLF yang diwakili oleh Nur Misuari. Menurut perjanjian ini, MNLF bersetuju untuk menggugurkan tuntutan kemerdekaan bagi wilayah orang-orang Islam di selatan, sebaliknya menerima autonomi yang ditawarkan oleh pemerintah Filipina. Maka dengan ini lahirlah Wilayah Autonomi Muslim Mindanao (Autonomous Region of Muslim Mindanao-ARMM) yang ditubuhkan untuk mentadbir wilayah selatan. Walau bagaimana pun ia tidak berjaya menjalankan tugas dengan baik dan sempurna. Ada yang berpendapat bahawa ARMM hanya menjadi sebuah birokrasi yang rasuah dan nepotisme (Rodil, 2003). Kegagalan ARMM mentadbir dengan cekap dan bersih serta kelemahan Presiden Aquino berhadapan dengan tentera Filipina yang tidak bersimpati dengan perjuangan Bangsamoro menyebabkan perjanjian damai ini tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya.

Fidel V. Ramos menggantikan Aquino sebagai Presiden baru Filipina pada tahun 1992. Beliau meletakkan selatan Filipina sebagai agenda penting dalam pembangunan negara dan berhasrat untuk mencari satu penyelesaian yang komprehensif dan berpanjangan kepada konflik ini. Beliau menaruh kepercayaan kepada MNLF sebagai rakan dialog dalam proses damai ini kerana pertubuhan itu diiktiraf oleh OIC sebagai mewakili penduduk Islam Filipina. Bagi Ramos, pembangunan ekonomi selatan Filipina adalah komponen penting dalam strategi keselamatan dan keamanan Filipina. Berikutan daripada usaha-usaha yang dijalankan, satu perjanjian antara pemerintah Filipina dan MNLF yang dikenali sebagai *The Jakarta Accord 1996 Peace Agreement with the MNLF* ditanda tangani di Jakarta pada 2 September 1996. Perjanjian ini membuka ruang bagi pembangunan sosio-ekonomi dan kestabilan politik di kawasan selatan dengan pembentukan institusi khas seperti *Southern Philippines Council for Peace and Development*. Perjanjian ini membolehkan ribuan pejuang MNLF diserap ke dalam Angkatan Tentera dan Polis Filipina, dan dengan ini memberi harapan untuk melahirkan keadaan keselamatan yang lebih baik. Pemimpin MNLF, Nur Misuari dilantik menjadi Gabenor ARMM.

Persoalan yang timbul ialah kenapa perjanjian ini yang nampaknya berjaya membentuk persekitaran dan dasar yang positif bagi menangani masalah konflik di selatan Filipina tidak juga dapat menghasilkan perdamaian yang berterusan? Salah satu masalah utama yang menjadi batu penghalang ke arah ini ialah isu hak pemilikan tanah Bangsamoro. Pentadbiran Ramos lebih berminat memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi kawasan Selatan daripada menyelesaikan isu pemilikan tanah yang dianggap sensitif. Ada juga yang menganggap perjanjian ini tidak menguntungkan MNLF kerana melalui perjanjian MNLF bersetuju menggugurkan tuntutan berpisah dan digantikan dengan status autonomi (Santos Jr., 2000). Bangsamoro yang mendiami kawasan Selatan Filipina juga ragu-ragu dengan kemasukan orang luar termasuklah para pelabur dan orang Kristian ke kawasan mereka. Akhirnya usaha damai ini menemui kegagalan seperti mana perjanjian lain sebelum ini.

Di bawah pentadbiran Presiden Joseph Estrada (1998-2001), hubungan antara pemerintah Filipina dengan MNLF dan gerakan pembebasan lain menjadi lebih tegang. Estrada menunjukkan sikap bermusuhan terhadap MNLF dan kumpulan pembebasan lain dan tidak teragak-agak mengambil tindakan ketenteraan melawan mereka. Serangan yang dilakukan oleh tentera Filipina ke atas markas MNLF di Camp Abubakar pada bulan April 2000 adalah satu petanda bahawa usaha damai telah gagal sama sekali. Kumpulan pejuang Bangsamoro kembali kepada tindakan perang gerilla menentang pemerintah Estrada yang jelas tidak berniat mencari penyelesaian. Kumpulan Abu Sayyaf (ASF) juga pada masa itu memperhebatkan aktiviti mereka termasuklah penculikan untuk tujuan tebusan (*kidnap for ransom*) seperti yang berlaku di perairan Sabah.

Usaha damai yang dibuat seterusnya oleh pengganti-pengganti Estrada juga tidak membuahkan hasil positif ke arah perdamaian dan penyelesaian konflik di selatan Filipina. Gloria Macapagal-Arroyo yang menggantikan Estrada sebagai Presiden Filipina pada mulanya mempunyai niat untuk mencari penyelesaian kepada konflik itu. Tetapi keadaan politik dalaman semasa pentadbiran beliau tidak membantu ke arah penyelesaian damai. Keadaan di selatan semakin meruncing apabila MILF mengistiharkan perang jihad menentang pemerintah sebagai balasan kepada serangan tentera keatas Camp Abubakar. MILF melancarkan beberapa serangan bom di Manila pada penghujung tahun 2000. Keadaan keselamatan di Filipina juga menjadi lebih buruk kerana selain daripada menghadapi serangan gerakan pejuang Moro, negara itu juga diancam oleh insurgensi komunis. Dalam ucapan negara (*state of the nation address*) pada 23 Julai 2001, Presiden Gloria Arroyo menyatakan dasar 'all-out peace' mengenai isu Selatan (Arroyo, 2003). Beliau berjanji akan membawa pembangunan dan menghapuskan kemiskinan yang melanda masyarakat Islam selatan Filipina dan berusaha mencapai perdamaian.

Jika diamati, rancangan, tujuan dan dasar Gloria Macapagal-Arroyo mengenai konflik selatan Filipina ini tidak banyak beza daripada apa yang dinyatakan oleh presiden-presiden sebelumnya. Isu penting dalam konflik ini iaitu mengenai 'Ancestral Domain', yang merujuk kepada kawasan autonomi yang dituntut oleh pejuang Bangsamoro tidak dapat diselesaikan. Rundingan antara pemerintah Filipina dan MILF mengenai perkara ini yang diadakan di Kuala Lumpur gagal menyelesaikan isu tersebut. Walau bagaimanapun tidak dapat dinafikan bahawa Presiden Filipina itu menunjukkan keinginan untuk menyelesaikan isu selatan secara damai dan bukan melalui cara ketenteraan. Antara inisiatif penting ke arah ini ialah seperti yang terkandung dalam program '*The Mindanao National Initiative*' (*Mindanao Natin*) di mana pemerintah Filipina mengemukakan langkah tertentu bagi membantu pembangunan Kawasan Selatan. Rundingan mengenai 'Ancestral Domain' akhirnya berjaya mencapai persetujuan yang sepatutnya ditanda tangani pada bulan Ogos 2008 di Kuala Lumpur oleh pihak-pihak terlibat (Abdullah, 2010). Tetapi ini tidak berlaku kerana ahli Senat dan Kongres Filipina yang didominasi oleh orang Kristian tidak bersetuju dan Mahkamah Filipina juga mengatakan perjanjian ini tidak sah. Kegagalan Memorandum Persetujuan mengenai 'Ancestral Domain' ini menunjukkan Presiden Gloria Arroyo tidak jujur serta tidak ada kemahuan politik untuk menyelesaikan masalah tersebut (Abdullah, 2010).

Perkembangan konflik di selatan Filipina mengalami 'turun naik' dari segi intensiti operasi dan respons kedua belah pihak terlibat. Pertempuran yang berlaku di bandar Marawi baru-baru ini menunjukkan ketidakstabilan dalam hubungan antara gerakan penentangan Bangsamoro dan pihak pemerintah. Berbeza daripada pemimpin-pemimpin sebelumnya, Presiden Duterte yang mula memegang jawatan pada 2016 tidak memberi perhatian dan prioriti khusus kepada konflik ini. Sebaliknya konflik selatan Filipina ini 'dilonggokkan' bersama isu-isu keselamatan lain yang melanda Filipina. Beliau mengambil tindakan tegas untuk menghapuskan ancaman terhadap keselamatan negara, tidak kira dari mana punca ancaman ini. Beliau bertindak tegas dalam 'perang' melawan jenayah di negaranya, termasuklah menggunakan kekerasan menghapuskan ancaman seperti yang dalam pembanterasannya jenayah dan tindakan menangani ancaman dari gerakan Moro seperti yang berlaku di Marawi.

Secara kesimpulan dapatlah dikatakan bahawa penyelesaian kepada konflik di selatan Filipina ini memerlukan keazaman politik (*political will*), terutama di pihak pemerintah. Dari Marcos hinggalah kepada presiden sekarang iaitu Duterte, isu utama yang menjadi batu penghalang ke arah perdamaian seperti isu 'Ancestral Domain', pembangunan wilayah selatan dan menghormati identiti dan budaya Bangsamoro tidak mendapat layanan sewajarnya oleh

pihak pemerintah. Mengikut Buendia (2005), dua isu yang bertembung ialah “*the assertion of self-determination rights of the Moro separatist movment; and the affirmation of the Philippines’s sovereign right to territorial integrity*” (hal. 100). Prinsip hak negara menjamin kedaulatan dan keutuhan wilayah digunakan sebagai justifikasi untuk tidak berkempromi dengan tuntutan penjuang Moro. Pemerintah Filipina di bawah Benino Aquino dan seterusnya di bawah Duterte dilihat tidak begitu bersungguh-sungguh dalam menyelesaikan konflik di wilayah selatan Filipina.

Perpecahan yang berlaku dalam kalangan pemimpin gerakan pembebasan Moro juga memberikan kesan besar kepada pemantapan identiti Bangsamoro. Keadaan ini digunakan oleh pemerintah untuk mnejalankan dasar ‘pecah perintah’ dengan memilih kumpulan yang sesuai dengan kepentingan mereka.

5.0 PERANAN MASYARAKAT ANTARABANGSA

Konflik di selatan Filipina ini mendapat perhatian meluas masyarakat antarabangsa, bukan sahaja dalam kalangan negara-negara Islam dan ASEAN tetapi juga negara lain seperti Jepun, Eropah, Pakistan dan Amerika Syarikat. Berbeza daripada beberapa konflik lain yang mempunyai ciri-ciri yang sama, di mana negara ‘tuan rumah’ menolak keterlibatan atau campurtangan luar, negara Filipina menunjukkan sikap lebih terbuka dan bersedia menerima pertolongan asing dalam mencari penyelesaian kepada konflik. Terdapat beberapa sebab kenapa pemerintah Filipina mengambil sikap terbuka mengenai peranan pihak ketiga dan luar dalam membantu mencari penyelesaian kepada konflik selatan Filipina.

Seperti yang dinyatakan di atas, konflik selatan Filipina telah berlaku begitu lama tanpa penyelesaian. Setiap Presiden yang mengambil alih pemerintahan memperkenalkan dasar tertentu bagi menangani masalah ini, namun tidak ada kejayaan yang dicapai. Setiap Presiden ‘mewarisi’ konflik ini daripada pentadbiran sebelumnya, oleh itu mereka tidak mahu dibebani oleh kelemahan dan kegagalan yang lepas. Cara yang paling baik mengurangkan kesan negatif daripada beban yang diwarisi ini dan kesan kegagalannya ialah dengan bersedia menyerahkan tugas atau berkongsi dengan pihak luar untuk menangani konflik. Kehadiran pihak luar juga merupakan sumber biaya bagi pemerintah melalui bantuan yang diterima seperti dari OIC untuk melaksanakan tugas pemantauan dan lain-lain.

Selain daripada itu, gerakan pembebasan Moro juga mempunyai hubungan dengan negara dan pelaku luar yang boleh menarik perhatian dunia kepada konflik ini. Pemimpin-pemimpin mereka mendapat pendidikan dan latihan di luar negara, termasuklah negara-negara yang dikenal pasti oleh pemerintah Filipina sebagai negara sahabat. Hubungan baik Filipina dengan negara-negara berkenaan dan keperluan menjaga kepentingan bersama dari segi politik dan ekonomi menyebabkan pemerintah Filipina mempunyai keyakinan terhadap partisipasi pihak asing dalam proses damai.

Peranan Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC) dalam proses damai di Selatan Filipina amat penting. Selain daripada membantu dari segi kewangan, OIC telah berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat antarabangsa mengenai masalah penduduk Islam di Filipina dan membuat tekanan keatas negara itu agar menyelesaikan konflik tersebut. Dalam konteks ini, OIC membantu menganjurkan rundingan antara pemerintah Filipina dan MLNF di Jeddah pada bulan March 1972. OIC juga menyatakan kebimbangannya mengenai keadaan penduduk Islam di Filipina dan meminta agar Manila menjamin keselamatan dan harta benda mereka. Pertubuhan itu juga berjaya mendesak MNLF agar menggugurkan tuntutan

kemerdekaan bagi wilayah selatan dan menggantikannya dengan tuntutan autonomi sahaja. Negara-negara OIC yang aktif menyokong proses damai di selatan Filipina termasuklah Libya, Arab Saudi dan Indonesia. Libya memainkan peranan penting dalam mendesak pemerintah Filipina dan MNLF supaya menerima terma perjanjian Tripoli 1976. Filipina mempunyai hubungan baik dengan negara-negara Arab di mana beberapa negara rantau tersebut menjadi tuan rumah kepada ramai pekerja Filipina. Jadi ini menjadi salah satu faktor keterbukaan Filipina untuk menerima pihak asing dalam proses damai di selatan Filipina. Peranan Indonesia pula dapat dilihat dalam Persetujuan Jakarta (Jakarta Accord) 1996 antara GRP dan MNLF yang menghasilkan pembentukan Wilayah Autonomi Muslim Mindanao (ARMM).

Malaysia memberi sumbangan penting kepada proses damai di Selatan Filipina. Konflik ini memberi kesan besar kepada keselamatan negara kerana kedudukan Malaysia (Sabah) yang berdekatan dengan selatan Filipina. Oleh itu Malaysia mempunyai kepentingan untuk melihat konflik ini diselesaikan. Pada tahun 2001, Presiden Gloria Macapagal-Arroyo telah meminta jasa baik Malaysia untuk memainkan peranan sebagai fasilitator dalam rundingan damai antara pemerintah Filipina dan MILF (Svensson, 2015). Ini merupakan kali pertama Malaysia menjadi fasilitator dan melibatkan diri secara langsung dalam proses damai tersebut. Selain dari kejiranan geografi, penduduk Selatan Filipina mempunyai hubungan rapat dari segi sejarah, budaya dan etnik dengan penduduk Malaysia timur, terutama di Sabah. Ramai daripada mereka mempunyai saudara mara dan rakan yang merentas sempadan Sabah-Filipina. Persamaan etnik, agama, budaya serta bahasa mengeratkan hubungan sosial mereka. Ini juga memudahkan Malaysia memainkan peranan sebagai fasilitator dalam rundingan dan usaha damai dalam konflik ini. Malaysia mempunyai kepentingan dari segi keselamatan untuk menyelesaikan konflik bagi membendung kebanjiran pendatang tanpa izin dan pelarian dari Selatan Filipina akibat konflik. Mengikut Svensson, walaupun dalam mediasi ini, terdapat beberapa unsur seperti persamaan budaya, ideologi dan kepentingan strategik dalam penyelesaian konflik ini yang boleh menyebabkan Malaysia bersifat bias dalam proses damai, ianya tidak berlaku. Malah Malaysia dianggap mempunyai pendekatan yang bersifat '*impartial*' dalam proses mediasi ini (Svensson, 2015, hal. 69). Malaysia bekerjasama dengan beberapa negara lain seperti Brunei, Libya dan Jepun yang menggotai Pasukan Pemantau Antrabangsa (International Monitoring Team-IMT) di Selatan Filipina. IMT dibentuk pada tahun 2004 untuk menjalankan tugas sebagai pemerhati dan memantau pelaksanaan gencatan senjata, membuat laporan dan menilai keadaan di tempat konflik. Kehadiran IMT di selatan Filipina telah banyak membantu bagi memastikan proses damai berjalan dengan lebih berkesan.

6.0 PENYELESAIAN DAN CABARAN

Persoalan yang timbul di sini ialah kenapa disebalik '*goodwill*' dan kesediaan pihak luar untuk bekerjasama mencari penyelesaian kepada konflik tersebut, objektif ini masih belum dicapai sepenuhnya? Kenapa masih lagi berlaku pertikaian bersenjata antara kerajaan Filipina dan gerakan pembebasan Moro seperti yang berlaku dalam peristiwa Marawi baru-baru ini? Beberapa sebab boleh diketengahkan bagi menjelaskan perkara ini. Antara yang sukar dirungkai ialah masalah 'Ancestral Domain' yang dituntut oleh gerakan pembebasan Bangsamoro yang sepatutnya dipersetujui dalam Memorandum Persetujuan (*Memorandum of Agreement-MoA*) di Kuala Lumpur pada 2008. Rundingan-rundingan mengenai perkara ini telah bermula sejak awal 1996 lagi sebagai sebahagian daripada agenda rundingan antara pemerintah Filipina (Government of the Republic of the Philippines-GRP) dan MILF. MoA mengenai Ancestral Domain ini merangkumi bukan sahaja empat perjanjian antara GRP dan MILF sebelumnya, tetapi juga dua perjanjian antara GRP dan MILF iaitu Perjanjian Tripoli

1976 dan Perjanjian Akhir mengenai Pelaksanaan Perjanjian Tripoli 1976 (Final Peace Agreement on the Implementation of the 1976 Tripoli Agreement) yang ditanda tangani antara GRP dan MNLF (Abdullah, 2010).

MoA ini mengenalpasti empat perkara yang perlu diberi perhatian iaitu konsep dan prinsip, wilayah, sumber dan governans. Mengenai perkara konsep dan prinsip, MoA ini menyatakan bahawa penduduk Bangsamoro mempunyai hak memerintah wilayah mereka sendiri yang telah lama wujud dan diwarisinya dari kesultanan mereka. Mengenai wilayah atau kawasan geografi Bangsamoro, ia meliputi kawasan berikut: Lanao del Sur, Maguindanao, Sulu, Tawi-Tawi, Basilan dan Marawi. MoA ini juga menggariskan bahawa Bangsamoro mempunyai hak ke atas sumber asli yang terdapat dalam kawasan mereka. Mengenai 'kawasan perairan' (*territorial waters*) pihak berkuasa Bangsamoro dan pemerintah pusat di Manila mempunyai tanggungjawab dan kuasa bersama dalam pengurusan semua sumber asli yang terdapat di dalamnya (Memorandum of Agreement on the Ancestral Domain, 2001). Mengenai governans pula MoA ini memperhalusi kuasa dan tanggungjawab kepada Bangsamoro Juridical Entity mengurus tadbir dan membentuk institusi mereka sendiri bagi pemerintahan di wilayah Bangsamoro. Ia juga meminta pihak terlibat dalam MoA ini membenarkan kehadiran pihak ketiga antarabangsa bagi memastikan pelaksanaan perjanjian ini. Secara kesimpulan, perjanjian ini jelas memberi hak dan banyak kuasa kepada Bangsamoro memerintah, mentadbir dan mengurus wilayah mereka. MoA ini yang terhasil dari rundingan-rundingan yang mengambil masa 11 tahun antara GRP dan MILF merupakan dokumen terpenting sehingga kini yang boleh dianggap sebagai formula terbaik bagi menyelesaikan konflik yang berlarutan di Selatan Filipina. Malangnya perjanjian ini tidak ditangani kerana Mahkamah Agung Filipina tidak membenarkan ia dilakukan. Ini berikutan daripada tekanan dan permohonan dari beberapa pihak berkepentingan termasuklah Datuk Bandar Zamboanga yang tidak mahu bandar itu dijadikan sebahagian daripada wilayah Bangsamoro. Peristiwa ini menunjukkan bahawa peluang keemasan mencapai penyelesaian dan mengembalikan keamanan di Selatan Filipina sudah terlepas. Walaupun Presiden Gloria Arroyo kemudiannya mengeluarkan formula baru untuk menyambung rundingan mengenai masalah ini, ia tidak ke mana. Pada tahun 2010, beliau digantikan oleh Benigno Aquino sebagai presiden baru Filipina. Inisiatif damai yang diperkenalkan oleh Gloria Arroyo tidak terlaksana dan konflik Selatan Filipina berterusan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2014, kerajaan Filipina di bawah Presiden Benigno Aquino III telah mencapai satu persetujuan dengan pihak MILF yang ditanda tangani pada 27 Mac 2014. Melalui perjanjian ini yang dikenali sebagai "*Comprehensive Agreement on the Bangsamoro*", pejuang-pejuang Moro bersetuju menghentikan keganasan dan bersetuju menggugurkan tuntutan sebuah negara merdeka dan menggantikannya dengan autonomi yang lebih luas ("*Philippines Signs Peace Deal*", 2014). Perjanjian ini juga disifatkan sebagai berjaya berbanding dengan perjanjian sebelumnya (Svensson, 2015).

Namun tidak dinafikan bahawa rundingan - rundingan dan usaha damai yang dibuat oleh presiden sebelum ini, terutama Gloria Arroyo-Macapagal membuka laluan ke arah pencapaian 2014 ini. Beliau telah memberikan perhatian kepada isu yang dianggap sensitif yang selama ini menimbulkan rasa tidak puas hati orang-orang Moro. Isu ketidakadilan dan diskriminasi pemerintah pusat terhadap penduduk Islam Filipina bukan hanya dalam hal politik dan pembangunan. Pemerintah pusat tidak menghormati dan tidak mengiktiraf identiti Islam Bangsamoro. Sebelum Presiden Gloria Arroyo memperkenalkan dasar mengiktiraf perayaan Islam pada tahun 2002 dan menjadikan 1 Shawal dan 10 Zulhijjah sebagai cuti am nasional, penduduk Islam Filipina merungut kerana pemerintah tidak tahu menghormati budaya mereka. Mungkin ada yang menganggap isu perayaan kaum minoriti sebagai remeh, tetapi dalam konteks konflik yang mengandungi pertembungan budaya dan identiti, isu ini penting

diselesaikan agar ia tidak terus menjadi duri dalam daging dalam hubungan antara pemerintah pusat dan masyarakat Bangsamoro. Sikap keterbukaan amat diperlukan dalam proses penyelesaian konflik di Selatan Filipina yang pada dasarnya merangkumi isu-isu identiti, budaya dan sejarah yang masih diperdebatkan.

7.0 KESIMPULAN

Konflik selatan Filipina mempunyai akar umbi dalam sejarah pembentukan negara tersebut. Gerakan penentangan Bangsamoro adalah kesinambungan daripada penentangan oleh orang-orang Moro terhadap penjajahan Sepanyol yang berjaya menawan Filipina dan memerintah selama lebih dari tiga ratus tahun. Kegagalan Sepanyol menjajah kawasan yang didiami oleh Bangsamoro membolehkan mereka meneruskan identiti etnik, budaya dan agama yang dianuti dan sejak zaman berzaman. Tetapi pada masa yang sama keadaan ini menghasilkan perbezaan antara Bangsamoro dan kumpulan lain di Filipina yang diasimilasikan oleh penjajahan Sepanyol dan Amerika di Filipina, tetapi tidak diterima oleh orang-orang Moro. Sebaliknya mereka meminta untuk diberi kebebasan memerintah dan mengurus sendiri kawasan mereka dan mahu identiti mereka diiktiraf. Kengganannya diasimilasikan ke dalam acuan 'nasional' Filipina dan dasar-dasar pemerintah yang dilihat sebagai mendiskriminasi dan meminggir Bangsamoro dizahirkan melalui penentangan bersenjata. Beberapa gerakan Bangsamoro muncul, antaranya MNLF dan MILF yang diterima oleh pemerintah sebagai mewakili Bangsamoro. Mulai dari pemerintahan Presiden Marcos sehinggalah kepada pentadbiran Presiden Duterte hari ini, pelbagai usaha dibuat untuk menyelesaikan konflik di Selatan Filipina, namun belum berjaya. Kesukaran mencari penyelesaian dalam konflik Selatan Filipina ini disebabkan pelbagai faktor. Konflik ini melibatkan pertembungan antara dua konsepsi negara dan kebangsaan yang berbeza dan bercanggah. Bagi pemerintah Filipina, penentangan Bangsamoro terhadap pemerintah dilihat sebagai ancaman kepada keselamatan negara dan keutuhan wilayah Republik Filipina, oleh itu perlu diambil tindakan ketenteraan menghapuskan ancaman ini. Bagi orang-orang Moro pula percubaan pemerintah mengasimilasi mereka ke dalam negara nasional itu mengancam identiti dan hak mereka menentukan masa depan sendiri.

Usaha ke arah perdamaian dan penyelesaian telah banyak dibuat sejak tahun 1970-an sehinggalah ke masa kini. Namun ia belum menghasilkan dampak positif yang diharapkan. Kegagalan ini terletak di bahu kedua belah pihak yang masing-masing tidak bersedia berkompromi, malah masih curiga terhadap satu sama lain. Isu utama dalam konflik selatan Filipina iaitu mengenai *Ancestral Domain* amat sukar dirungkai kerana ia melibatkan percanggahan kepentingan antara kerajaan Filipina dan orang-orang Moro. Usaha mencari penyelesaian dan perdamaian dibuat dengan bantuan beberapa pihak luar termasuklah Malaysia, Indonesia, OIC dan masyarakat antarabangsa secara amnya. Walaupun ia tidak menghasilkan perdamaian yang berpanjangan, campurtangan luar berjaya mengawal konflik ini daripada merebak. Tidak dapat dinafikan bahawa keadaan aman yang ada sekarang masih rapuh (*vulnerable*) dan berpotensi untuk meletup seperti yang berlaku di Marawi. Perdamaian yang berpanjangan bergantung besar kepada kesediaan kedua pihak menyelesaikan isu-isu utama dalam konflik ini dan melaksanakan perjanjian yang dirangka dan dipersetujui oleh mereka. Kegagalan menyelesaikan konflik yang berjalan begitu lama akan merugikan kedua pihak disamping mengancam kestabilan rantau ini.

RUJUKAN

- Abdullah, S. (2010). Policies and approaches of the Philippines government under Gloria Arroyo Macapagal towards the conflict in southern region. (Unpublished master thesis). University Kebangsaan Malaysia.
- Arroyo, G. (2003). Official website of President Gloria Arroyo-Macapagal. Retrieved from <http://www.macapagal.com/gma/initiatives/mindanao.php>
- Buendia, R.G. (2005). The State-Moro armed conflict in the Philippines unresolved national question or question of governance? *Asian Journal of Political Science*, 13(1), 109-138.
- Che Man, W.K. (1990). Muslim separation: The Moros of Southern Philippines and the Malays of Southern Thailand. Singapore: Oxford University Press.
- Huang, L., Musembi, V., & Petronic, L. (2012). The State-Moro conflict in the Philippines. Retrieved from <https://carlton.ca/lifp/wp-content/uploads/1392-1.pdf>
- McCargo, D. (2014). *South Thailand: From conflict to negotiations?* Australia: Lowy Institute.
- Philippines signs long-awaited peace deal with Muslim rebels. (2014, March 27). *The Guardian*. Retrieved from <https://www.theguardian.com/world/2014/mar/27/philippines-muslim-rebel-peace-deal-aquino-milf>
- Rodil, B.R. (2003). A story of Mindanao and Sulu in question and answer. Davao City: MINCODE Publisher.
- Santos Jr., S. (2000). The MNFL, MILF, the media and peace reporting: Perspectives on media and peace reportage. Pasig City: The government of the Philippines.
- Svensson, I. (2015). International mediation, bias and peace making: Taking sides in civil wars. London: Routledge.